

**Soalan No: 22**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]

**TARIKH :** 17.3.2016

**SOALAN :**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan tanggungjawab pembayaran utiliti bagi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan seluruh negeri Terengganu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini jumlah Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) seluruh negara yang telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) sejak Disember 2004 adalah sebanyak 216 buah. Manakala SABK di negeri Terengganu adalah sebanyak 15 buah. Untuk makluman, sebelum berdaftar sebagai SABK, semua sekolah ini adalah diurus tadbir sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) masing-masing termasuklah pembayaran bil utiliti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah berdaftar sebagai SABK, Kementerian pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pendekatan

untuk memberi bantuan dan sumbangan wang kerajaan bagi meningkatkan kualiti pendidikan sekolah berkenaan. Keseluruhan sekolah ini layak menerima bantuan seperti sekolah bantuan penuh kerajaan yang lain. Bagi tahun 2016, KPM memperuntukkan kadar bantuan utiliti setiap SABK seluruh negara termasuk di negeri Terengganu sebanyak RM5,000.00 setahun. Walau bagaimanapun, KPM juga berharap pihak LPS dapat memberi kerjasama yang erat dan padu serta berterusan dalam memainkan peranan masing-masing untuk memajukan kualiti pendidikan sekolah berkenaan.

RJM28